



Institut Kefahaman Islam Malaysia • Institute of Islamic Understanding Malaysia • معهد الوعي الإسلامي الماليزي



3 TAHUN KERAJAAN MADANI: IKIM TERBITKAN BUKU ISLAM MEKAR BERSAMA MALAYSIA MADANI

Kolaborasi 14 Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mendokumentasikan pencapaian dan kejayaan pentadbiran melalui sebuah buku.



halaman 7



halaman 6

IKIM Terima Kunjungan
Jaulah Rasmiyyah:
Friends of Ministry (FOM)



halaman 8

IKIM menerima Anugerah
Buku Negara 2025



halaman 9

Mengenang Jasa Almarhum:
IKIM Lancar Buku Koleksi
Ucapan Pengerusi

PROGRAM SUKAN RAKYAT IKIM & BULAN KEBANGSAAN 2025



02 SEPT - Program Sukan Rakyat IKIM & Bulan Kebangsaan 2025 telah berlangsung di perkarangan IKIM dengan penyertaan warga kerja IKIM disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.. Penganjuran program ini bertujuan mengeratkan ukhuwah, memupuk semangat kesukanan dan memperkukuh kerjasama dalam kalangan warga kerja. Program turut disemarakkan dengan pelbagai aktiviti serta nyanyian Jalur Gemilang dan 31 Ogos bersempena sambutan Bulan Kebangsaan Malaysia ke-68.

MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH & PELUNCURAN KONTINJEN IKIM KE SUKAN IJPAM 2025



04 SEPT - Majlis Amanat Ketua Pengarah berlangsung di Dewan Sajian IKIM dengan perasmian dan amanat disampaikan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, diiringi kehadiran Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, serta para pengarah pusat dan unit. Dalam amanatnya, Ketua Pengarah menekankan kepentingan semangat kerjasama, disiplin, dan komitmen dalam menghadapi cabaran, sambil menyeru warga kerja IKIM untuk memperkukuh ukhuwah, memantapkan prestasi dalam setiap bidang tugasan.

Majlis turut menyaksikan penyerahan bendera IKIM kepada kontinjen atlet sebagai simbolik pelepasan mereka ke Sukan IJPAM yang dijadual berlangsung pada 8 hingga 13 September 2025.

IKIM MERAIKAN MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN SEMPENA IJTIMAK PERDANA AGENSI AGAMA SELURUH MALAYSIA (IJPAM) 2025

08 SEPT - Majlis Perasmian Kejohanan Sukan IJPAM 2025 berlangsung di Stadium Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Agama Negeri Johor, Tuan Haji Nasri bin Md Ali, mewakili YAB Menteri Besar Johor. Turut dihadiri oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil. Kontinjen IKIM turut mengambil bahagian dalam perarakan masuk kontinjen, menzahirkan semangat kesukanan serta ukhuwah sesama agensi agama di seluruh negara.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

17 SEPT — Majlis menandatangani Persetujuan Bersama Jadual Pelupusan Rekod Urusan Fungsian antara Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah ANM, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Abdul Rahman, dan Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, bertempat di Dewan Sajian, Blok D. Majlis ini bertujuan memperkuat pengurusan rekod urusan fungsian secara sistematik, memastikan pematuhan kepada peraturan pelupusan rekod.



20 SEPT — Timbalan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, hadir ke IKIM bagi menyampaikan sesi ANALISIS | Malaysia & Dunia Islam di Radio IKIMfm. Program membincangkan isu penting Malaysia dan dunia Islam serta menyuarakan aspirasi umat, disambut oleh Pengarah Pusat Media IKIM dan Penerbit Kanan Radio IKIMfm.

20 SEPT — Permukiman Akademik Bil. 13 (2025) telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, bertempat di Mercure Living, Putrajaya. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail, Pengarah Penyelidikan IKIM, Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, serta pengarah-pengarah unit dan pegawai akademik IKIM.



10 SEPT — IKIM menerima kunjungan hormat oleh delegasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diketuai oleh YBrs. Prof. Ts. Dr. Shukor bin Abd. Razak, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bertemu Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil

Pertemuan tersebut membincangkan cadangan penubuhan Kursi Wakaf Media UniSZA-IKIM serta peluang kerjasama strategik dalam memperkasa penyiaran Islamik dan pembangunan wakaf dalam bidang media.

BENGKEL HIBAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA KELUARGA ISLAM



27 SEPT — IKIM dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad (PNB) menganjurkan Bengkel Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Keluarga Islam di Hotel Premiera Kuala Lumpur, bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai hibah mengikut syarak dan undang-undang serta pelbagai bentuk hibah seperti hibah mutlak, hibah 'umra, hibah ruqba dan hibah amanah.

Bengkel sehari ini dihadiri 64 peserta daripada pelbagai latar belakang dan menampilkan penceramah pakar termasuk Dr. Mohd Zamro bin Muda (UKM), Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim (PNB), Datin Dr. Noor Lizza binti Mohamed Said (UKM) dan Mohd Faiz Adnan (Peguam Syarie), dengan perasmian oleh Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad mewakili IKIM.

SEMINAR ISLAMIC PERSPECTIVES ON THE ETHICS OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE

01 OKT - Seminar Islamic Perspectives on the Ethics of Artificial Intelligence telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, di Dewan Seminar, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Turut hadir Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman, dan Prof. Dr. Shamsul Sahibuddin, Menjalankan Fungsi Ketua Kampus UTM.



Seminar dua hari anjuran IKIM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini menghimpunkan pelbagai pakar membincangkan antaranya etika AI dalam pendidikan, peluang serta cabaran AI kepada masyarakat. IKIM dalam pada itu memainkan tiga peranan utama dalam isu AI termasuk dalam aspek ilmiah bagi mengumpul sarjana agama, penggubal dasar dan pakar teknologi untuk merumuskan cadangan serta garis panduan.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH MALAYSIA PRESS INSTITUTE (MPI)



07 OKT- IKIM menerima kunjungan hormat delegasi Malaysia Press Institute (MPI) diketuai oleh Presiden MPI, YBhg. Datuk Yong Soo Heong di Bilik Persidangan IKIM, disambut oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, bersama Tn. Haji Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media IKIM. Kunjungan ini bertujuan menjalin kerjasama strategik, membincangkan peluang kolaborasi dalam bidang media serta memperkukuh hubungan antara institusi penyiaran dan media Islam di Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT KE KEDUTAAN BESAR REPUBLIK ARAB MESIR MALAYSIA

13 OKT- Delegasi IKIM diketuai Timbalan Pengerusi, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman mengadakan kunjungan hormat ke atas Duta Besar Republik Arab Mesir, TYT H.E Mohamed Elsadat Abdel Karim Abdel Khalek, di Kuala Lumpur. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh kerjasama akademik, pertukaran cendekiawan, penerbitan bersama dan program pendidikan. Turut hadir pimpinan tertinggi IKIM termasuk Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM.



PERSIDANGAN MEJA BULAT ISLAM, GERONTEKNOLOGI & JURANG DIGITAL: MENGHADAPI PENUAAN PENDUDUK



15 OKT — Persidangan Meja Bulat “Islam, Geronteknologi dan Jurang Digital” anjuran IKIM di Dewan Memorial Tun Hussein Onn bagi membincangkan cabaran penuaan penduduk dan peranan teknologi dalam meningkatkan kualiti hidup warga emas.

Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, dalam ucapan perasmianya menekankan keperluan teknologi yang beretika berasaskan Maqasid Syariah serta kepentingan mengurangkan jurang digital dalam kalangan warga emas. Persidangan turut melibatkan pembentangan pakar dan sesi perbincangan antara peserta bagi merangka input strategik ke arah kesejahteraan masyarakat menua di Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT OLEH YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)



21 OKT — IKIM menerima kunjungan hormat delegasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) diketuai oleh Ketua Pengarah YaPEIM, Tn. Haji Zabidi bin Nasan, disambut oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil bersama pegawai kanan IKIM.

Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik kedua-dua institusi serta membincangkan pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneroka kerjasama dalam bidang pendidikan, pembangunan insan, penyelidikan dan inisiatif pembangunan sosioekonomi ummah berteraskan nilai-nilai Islam.

09 OKT — Bengkel Kembara Syifa 3.0: MEN—Luah “Ketua Tenang, Keluarga Senang” anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berlansung di Bilik Persidangan, Dewan Sajian IKIM, disempurnakan oleh Fellow Utama merangkap Pengarah Pusat SYARAK, YBrs. Dr. Nik Roskiman Abdul Samad. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental lelaki, menyediakan ruang selamat untuk memahami dan mengurus emosi serta mengatasi stigma, dengan perkongsian panel jemputan Tn. Hj. Mohd Noor Ikhrum bin Husin dan Dr. Hazli Zakaria mengenai kepakaran dan pandangan mereka dalam bidang kesihatan mental lelaki.

24 OKT — MADANI Night Dinner bersama lebih 25 pelajar Malaysia di Turkiye telah diadakan di Bab Al Yemen Restaurant, Istanbul, menampilkan Prof. Emeritus Dato’ Dr. Yusof bin Hj. Othman, Timbalan Pengerusi IKIM, yang berkongsi pandangan mengenai peluang dan cabaran dakwah dalam era media dan dunia digital.



25 OKT — Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman, menyampaikan ucapan mewakili IKIM dan Malaysia dalam Forum on Enhancing Efficiency and Sustainability of Humanitarian Organizations in the Balkans di Turkiye, memperkenalkan peranan IKIM dalam penyelidikan, nilai MADANI dan dakwah digital, serta merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Turkiye atas bantuan pembebasan aktivis Malaysia dari pelayaran Global Sumud Flotilla ke Gaza, menzahirkan solidariti Malaysia dan komitmen IKIM dalam diplomasi ilmu sejagat.

IKIM MEMUPUK BUDAYA MEMBACA MELALUI HARI PTAS MESRA PENGGUNA



03 NOV — Perpustakaan Tun Ahmad Sarji (PTAS) IKIM telah menganjurkan Hari “PTAS Mesra Pelanggan” sebagai usaha memperkukuh budaya membaca dan mempromosi peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu digital, merangkumi taklimat “Perpustakaan: Pusat Sumber, Perkhidmatan dan Kemudahan Digital” oleh En. Mohd Zafri bin Abdul Karim serta ceramah “Membaca: Jambatan Ilmu & Hikmah” oleh Datin Paduka Mastura Haji Muhamad, diikuti pelancaran kempen membaca “Jom Pinjam, Jom Baca @ PTAS” yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil; turut hadir Timb. Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail.

PERSIDANGAN PENGURUSAN HARTA KELUARGA ISLAM 2025 “MEMACU TRANSFORMASI PERWARISAN ISLAM KE ARAH SIFAR HARTA BEKU”



05 NOV — Persidangan Pengurusan Harta Keluarga Islam 2025 bertemakan “Memacu Transformasi Perwarisan Islam ke Arah Sifar Harta Beku” berlangsung di Hotel Tenera, Bangi, disempurnakan oleh Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd Yusof Haji Othman, Timbalan Pengerusi IKIM. Turut hadir Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil; Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail; serta wakil rakan sinergi Maybank Islamic. Ucapan utama “Isu, Cabaran dan Penyelesaian Harta Beku Umat Islam” disampaikan oleh Prof. Sr. Dr. Wan Zahari Wan Yusoff, dan persidangan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh kefahaman serta strategi pengurusan harta keluarga Islam bagi menangani isu harta beku di Malaysia.

KUNJUNGAN JAULAH RASMIYYAH: AHLI-AHLI YANG BERHORMAT FRIENDS OF MINISTRY (FOM) KE IKIM

06 NOV—IKIM menerima kunjungan Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen selaku Friends of Ministry (FOM) bagi memperkukuh hubungan strategik dan kefahaman terhadap peranan IKIM sebagai agensi peneraju kefahaman Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Para tetamu diberikan taklimat mengenai fungsi dan mandat IKIM, melawat Perpustakaan Tun Ahmad Sarji untuk meninjau kemudahan dan koleksi rujukan Islam, serta berkesempatan menziarahi konti IKIMfm, termasuk sesi siaran langsung bersama Siti Rohani Surani bagi perbualan santai mengenai pengalaman dan pandangan mereka terhadap lawatan itu.



06 NOV — IKIM menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pasca Kabinet bersama Ketua-ketua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan penekanan agar setiap agensi terus fokus menyantuni masyarakat, memastikan tatakelola pengurusan berada pada tahap terbaik serta menangani isu-isu masyarakat secara tangkas dan berkesan, di samping memperkukuh semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga agensi.

10 NOV — Kunjungan hormat IKIM yang diketuai oleh Timbalan Pengerusi, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Othman telah mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), YBhg, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Abdul Kadir pada 10 November 2025 di Bilik Mesyuarat MAINS, Seremban bagi membincangkan penganjuran Multaqa Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.



12 NOV — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, telah menyampaikan ucapan sempena MADANI Muslim Minority Global Forum: Round Table Discussion bertajuk “*Reviving Sound Governance (Tadbir) & Best Practices for Islamic Institutions in Minority Contexts*” yang diadakan di Bilik Persidangan IKIM, dengan kehadiran Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi bin Ismail, serta Felo Pusat EMAS IKIM, Dr. Muhammad Syafiq Borhanuddin.

MAJLIS PELUNCURAN TABUNG DANA WAKAF IKIM



17 NOV — Tabung Dana Wakaf IKIM dilancarkan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman sebagai platform strategik untuk memperkukuh ilmu, penyiaran Islam, dan agenda sosioekonomi ummah melalui Wakaf Ilmu dan Wakaf Media. Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Syed Kamarulzaman bin Syed Kabeer serta Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil.

PERHIMPUNAN AGENSI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) BIL.3/2025 & PELUNCURAN BUKU ISLAM MEKAR BERSAMA MALAYSIA MADANI



25 NOV —Majlis Perhimpunan Agensi di Jabatan Bil. 3/2025 dan pelancaran Buku Islam Mekar bersama Malaysia MADANI disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Majlis menghimpunkan penggerak agensi-agensi agama JPM, menekankan komitmen memekarkan syiar Islam di Malaysia, serta menampilkan penerbitan buku yang mendokumentasikan pencapaian tiga tahun dan agenda strategik agensi-agensi agama dengan kerjasama IKIM sebagai penerbit dan semua pihak berkaitan. Majlis ini turut disaksikan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, bersama ketua-ketua agensi agama.



IKIM MENERIMA ANUGERAH BUKU NEGARA 2025

03 DIS — IKIM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Pengarah Pusat SYARAK, serta YBrs. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh bersama En. Mohamad Mustaqim bin Malik dan En. Mohd Izzudin bin Hasanudin atas kejayaan menerima Anugerah Buku Negara 2024-2025 sempena Pesta Buku Antarabangsa Selangor pada 3 Disember 2025 di Setia City Convention Centre 2, Shah Alam. IKIM berjaya merangkul Penterjemahan Buku Terbaik melalui karya Wahai Anak Muda! (Nasihat kepada Penuntut Ilmu): Pengenalan dan Terjemahan Kitab Ayyuha Al-Walad serta Buku Perubatan Terbaik menerusi Vaksinasi Dari Perspektif Sains & Islam, menandakan kecemerlangan institusi dalam penerbitan buku dan sumbangan kepada pembangunan ilmu negara.

IKIM MENERIMA ANUGERAH MAPIM-KPT KE-16

09 DIS — IKIM turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YBrs. Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh bersama En. Mohamad Mustaqim bin Malik dan En. Mohd Izzudin bin Hasanudin atas kejayaan merangkul Anugerah Buku Ilmiah Terbaik Kategori Sains & Teknologi dalam Majlis Anugerah Penerbitan Ilmiah Malaysia - Kementerian Pengajian Tinggi (MAPIM-KPT) ke-16 yang mencerminkan keupayaan IKIM dalam bidang penerbitan bahan ilmiah untuk pendidikan negara.



IKIM & AKPK LANCAR MODUL LITERASI KEWANGAN ISLAM 2025 BERSKALA NASIONAL



04 DIS — Persidangan Literasi Kewangan Islam 2025: Maqasid Menuntun Arah, Ilmu Menyokong Falah anjuran Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bersama IKIM, dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Open University Malaysia (OUM), telah berlangsung di AICB Center of Excellence, Kuala Lumpur, disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman. Persidangan ini turut dihadiri Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, yang memberikan ucapan alu-aluan serta menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara IKIM dan AKPK, selain MoA antara IKIM dan OUM bagi pembangunan modul literasi kewangan Islam berskala nasional, dengan fokus kepada dapatan kajian literasi kewangan Islam peringkat kebangsaan.

RANCAKKAN MADANI BERSAMA MALAYSIAKU DIRAIKAN MERIAH

07 DIS — Pavilion Al-Falah terus meriah dengan kehadiran orang ramai sepanjang Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku 2025. IKIM turut meraikan & menarik perhatian pengunjung melalui Sesi Meet & Greet bersama DJ Siti Rohani Surani, DJ Tyzo Xander, DH Syafiq Salleh, DJ Al Muhsin dan DJ Batrisyia, manakala kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar menambah kemeriahan acara di Dataran Putrajaya, Putrajaya.



MENGENANG JASA ALMARHUM PROF. DATO' DR. MUHAMMAD NUR MANUTY: IKIM TERBIT BUKU KOLEKSI UCAPAN PENERUSI



11 DIS — Buku Koleksi Ucapan Penerusi IKIM yang menghimpunkan pemikiran, gagasan dan idea besar Almarhum Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty dilancarkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr. Zulkifli Hasan, sempena Majlis Mengenang Jasa dan Sumbangan Almarhum di Hotel Tenera, Bangi. Majlis turut menampilkan forum 'Mengenang Murabbi Ummah' dengan panel Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil; Setiausaha Politik Menteri Agama, Dr. Muhamad Razak Idris; dan Presiden WADAH, Dato' Hj. Ahmad Azam bin Ab Rahman, yang membincangkan sumbangan strategik Almarhum terhadap gerakan ilmu dan pembangunan ummah. Kehadiran keluarga, ilmuwan, sarjana, aktivis serta wakil institusi menyerlahkan kepentingan buku ini sebagai rujukan utama dalam memahami pemikiran Almarhum.

01 DIS — Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, hadir ke konti IKIMfm bagi sesi temu bual khas bertajuk "Al-Falah: Reformasi Hal Ehwal Agama Demi Kesejahteraan Ummah" dalam segmen Suara Inspirasi pada malam ini. Kehadiran beliau turut diiringi oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, serta Pengarah Pusat Media, Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali.

10 DIS — Sesi perbincangan antara IKIM dan Amanah Raya Berhad (ARB) berkenaan cadangan kerjasama penganjuran seminar di Sabah yang dipengerusikan oleh Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Pengarah Pusat SYARAK bersama wakil dari pihak Amanah Raya Berhad (ARB) di Bilik Mesyuarat Blok E. Turut serta En. Al Iskandar bin Mokhtar, Pn. Siti Shamsiah binti Md Supi dan Pn. Nor Hartini binti Saar.



JELAJAH MAHABBAH MADANI IKIMfm DI PENJARA JELEBU



Program Jelajah Mahabbah MADANI IKIMfm, bersama agensi-agensi agama Islam di Negeri Sembilan, membuka peluang baharu untuk penghuni Institusi Pemulihan Dadah (Penjara Jelebu) pada 06 September 2025 sebagai simbol kasih sayang, keinsafan dan peluang kedua dalam membina kehidupan. Kehadiran IKIMfm menekankan bahawa dakwah, sokongan moral dan bimbingan rohani tidak terbatas di sebalik tembok penjara.

Majlis turut disaksikan oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), YBhg, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Abdul Kadir; Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil; Pengarah Pusat Media IKIM, Haji Ahmad Fuad Mat Ali, pihak penjara dan agensi agama. Program ini diserikan dengan Forum Bicara Ad-Din “Pintu Taubat Sentiasa Terbuka”, menekankan peluang pemulihan, kekuatan spiritual dan harapan baharu untuk penghuni agar bebas daripada belenggu dadah serta berguna kepada keluarga, masyarakat dan agama.



FELDA RESIDENCE TANJUNG LEMAN TAWAR PENGALAMAN UNIK KEPADA IKIMfm

IKIMfm bersama 20 pengamal media lain berpeluang merasai pengalaman di FELDA Residence Tanjung Leman (FRTL) pada 11 September 2025 melalui lawatan media anjuran Felda Investment Corporation (FIC) Hospitality Sdn Bhd. Program ini memberi peluang kepada peserta mengalami sendiri penginapan, kemudahan dan aktiviti menarik di resort termasuk snorkeling, mendaki dan sukan air, serta berkongsi pengalaman kepada pendengar.

Program turut menekankan tarikan semula jadi di sekitar FRTL seperti Pulau Kukus dan Pulau Tinggi, yang sesuai untuk aktiviti rekreasi dan pengukuhan berpasukan. Resort yang asalnya berfungsi sebagai pusat latihan FELDA sejak 2010 kini menerima pelancong awam. Lawatan ini membolehkan media, termasuk IKIMfm, mendapatkan gambaran menyeluruh tentang operasi resort bagi tujuan liputan dan laporan berita.



USM RANGKUL JOHAN VIPKI 2025 MADANI MENERUSI KARYA 'ANGAN'

Universiti Sains Malaysia (USM) muncul sebagai Johan Pertandingan Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) 2025 MADANI anjuran IKIM melalui karya bertajuk “Angan”, yang mengetengahkan kisah inspirasi seorang pemuda gigih mengejar impian dengan penuh syukur sehingga mencapai kejayaan, membawa pulang wang tunai RM15,000, trofi dan sijil penyertaan. Kemenangan diumumkan pada 03 Disember 2025 di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam dengan hadiah disampaikan oleh Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd Yusof Haji Othman. Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail.

VIPKI 2025 bertemakan MADANI dengan peserta dikehendaki menerapkan sekurang-kurangnya satu daripada enam teras nilai MADANI dalam penghasilan video pendek. Memasuki tahun ketiga penganjuran oleh tvIKIM, program ini menerima 117 penyertaan daripada 25 IPTA dan IPTS melibatkan 585 pelajar, termasuk 25.6% peserta bukan Islam, menunjukkan semangat inklusif generasi muda. Program ini turut disokong Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) serta kerjasama strategik Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia (PTVM), diharap terus menjadi platform memperkukuh kefahaman Islam, mempromosikan keharmonian dan mengasah bakat kreatif melalui seni visual.



IKIMfm MERAH ANUGERAH WORLD HALAL EXCELLENCE AWARD 2025



IKIMfm terus menonjol sebagai platform media Islam berimpak tinggi dengan merangkul Anugerah Kandungan Islamik pada World Halal Excellence Awards (WHEA) 2024 melalui rancangan Halal Profesional terbitan Siti Rohani Surani. Kejayaan ini mengiktiraf sumbangan IKIMfm dalam membangunkan kandungan Islam berkualiti yang memberi impak kepada pendengar di Malaysia dan rantau ASEAN, termasuk Singapura, Indonesia, Brunei dan selatan Thailand, melalui kupasan pakar, dialog ilmiah dan informasi berkaitan halal, profesionalisme serta kehidupan seharian.. Anugerah itu disampaikan oleh Pemangku Pengerusi HDC, Datuk Azhari Datuk Shaari pada 08 Disember 2025 di Westin Resort Hotel, Desaru, Johor Bahru.

SEKALUNG TAHNIAH



Tahniah
diucapkan kepada
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof bin Hj. Othman
Timbalan Pengerusi
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
atas pelantikan sebagai
FELO ELIT
BIDANG FALSAFAH SAINS ISLAM
JABATAN FIQH-USUL & SAINS GUNAAN
UNIVERSITI MALAYA (UM)
berkuatkuasa pada
15 DISEMBER 2025

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Tahniah
diucapkan kepada
Dato' Hj. Mohammad Sahar bin Mat Din
Ahli Lembaga Pengarah IKIM
atas pengiktirafan
ALUMNI UniSZA CEMERLANG
dalam majlis
Malam Apresiasi
Rakan Industri & Alumni
Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA) 2025

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Tahniah
diucapkan kepada
Dr. Muhammad Hisham bin Mohamad
Fellow Kanan/ Pengarah Pusat Kajian
Ekonomi & Kemasyarakatan (EMAS) IKIM
merangkul
1st Runner Up
KERTAS KAJIAN TERBAIK
dalam sidang
4th Kedah International Zakat Conference 2025
yang berlangsung pada
09 - 11 SEPTEMBER 2025

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Tahniah
diucapkan kepada
Dr. Nik Roskiman bin Abdul Samad
Fellow Utama /Pengarah Pusat SYARAK IKIM
atas pelantikan sebagai
PENASIHAT INDUSTRI
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)

UIS
berkuatkuasa pada
01 NOVEMBER 2025 - 2027

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Tahniah
diucapkan kepada
Tn. Hj. Ahmad Fuad bin Mat Ali
Pengarah Pusat Media IKIM
atas pelantikan sebagai
FELO ELIT
JABATAN BAHASA ARAB DAN
BAHASA-BAHASA TIMUR TENGAH
FAKULTI BAHASA & LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA (UM)
berkuatkuasa pada
01 DISEMBER 2025

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia



Tahniah
diucapkan kepada
Mohd Khairul bin Omar
Pengurus Rancangan/ Ketua Bahagian TVIKIM
atas pelantikan sebagai
AHLI JAWATANKUASA PROGRAM BELIA KREATIF KOMUNITI MADANI
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

FINAS
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
berkuatkuasa pada
15 SEPTEMBER 2025 - 2027

Ahlihas Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

MALAYSIA MADANI

IKIMfm TVIKIM PENGANTARAN TUN AHMAD SARJI www.ikim.gov.my @myikim Institut Kefahaman Islam Malaysia

3 Cara Allah Menguji Hati Hambanya

IMAN YANG DIUJI, JIWA YANG DITINGGIKAN



Terbitan: Unit Komunikasi Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



Ujian Sabar

Jika Allah belum mengurniakan apa yang kita doa, bukan bermakna doa itu sia-sia, tetapi hati kita sedang dipersiapkan untuk menerima sesuatu yang lebih besar. Penantian itu bukan kosong semata, kerana di situlah Allah membentuk jiwa, mengasah kesabaran, menguatkan iman, dan menanam keikhlasan.

Supaya apabila nikmat itu tiba, kita bukan sekadar menerimanya, tetapi juga layak menjaganya dengan penuh kesyukuran. Kadang-kadang, yang sedang Allah siapkan bukan hanya takdir itu sendiri, tetapi diri kita — hati, akal dan jiwa agar seiring dengan nikmat yang bakal dianugerahkan

Ujian Syukur

Ada kalanya Allah memakbulkan doa dengan cepat sebagai tanda kasih sayang-Nya, sambil mengingatkan kita tentang keadaan hati setelah nikmat itu tiba. Kerana menerima nikmat itu mudah, tetapi yang sukar adalah menjaga hati agar tetap dekat dengan-Nya setelah menerimanya. Ramai yang rajin berdoa ketika meminta, namun hanya sedikit yang tetap dekat kepada Allah setelah diberi.

Allah mengingatkan kita bahawa setiap doa yang dimakbulkan bukan hanya hadiah, tetapi juga amanah. Amanah itu menuntut kita untuk terus menguatkan iman, memperbaiki akhlak, dan meningkatkan amal soleh. Rahmat Allah itu luas, tetapi yang paling berharga ialah hati yang sentiasa bersyukur dan taat.



Ujian Iman

Inilah ujian yang paling berat dalam kehidupan seorang hamba, merelakan sesuatu yang selama ini kita yakini baik. Pada saat itulah Allah benar-benar menguji kita, menimbang sejauh mana cinta kita kepada-Nya melebihi keinginan dan keselesaan diri sendiri. Iman yang kukuh adalah kita tetap teguh percaya, meskipun hati mungkin terasa berat, bahawa Allah tidak pernah memilih bagi hamba-Nya selain jalan yang paling baik dan paling penuh hikmah.

Kadang kita melihat kehilangan atau penolakan sebagai kekalahan, tetapi hakikatnya itu adalah bentuk rahmat tersembunyi. Allah membimbing kita melalui apa yang kita fikir sukar atau menyakitkan, agar jiwa kita matang, hati kita ikhlas, dan iman kita semakin mantap. Dengan cara ini, setiap ujian bukan hanya menguji kesabaran dan ketabahan, tetapi juga membersihkan hati, mengajar kita keikhlasan, dan mengeratkan hubungan kita dengan Allah.



Dengan ujian, Allah mengambil berat dan menjaga hamba-Nya.

Tidak semua ujian datang untuk menjatuhkan kita. Ada yang hadir supaya hati tidak terlalu terpaut pada cinta dunia dan kesenangannya.

Adakala kita sendiri tidak sedar ketika hati mulai condong kepada sesuatu yang melemahkan iman dan jiwa. Maka Allah mengiriskan tanda-tanda melalui ujian itu, agar kita kembali sedar, menilai diri, dan melihat ke arah mana sebenarnya kita harus mengarahkan hati dan tindakan



Kita tidak selalu mengerti untuk memahami maksud di sebalik setiap ujian yang menimpa

Namun sering kali, melalui hal yang membuat kita menjauh dari dunia. Allah justru sedang mendekatkan kita kepada-Nya. Dan ketika sebuah peristiwa membuat hati kembali bergantung hanya kepada Allah, kita pun sedar bahawa pertolongan-Nya kerap datang dengan cara yang tidak kita harapkan, tetapi selalu kita perlukan.





BULETIN IKIM

Edisi 3 | Sept - Dis 2025



**MALAYSIA
MADANI**



Penasihat:
Nik Hasnah Ismail

Pengarang:
Shahrul Ridzuan Shafie

Jurugambar:
Fathulmungin Mohd Yusof

Pencetak:
**BRIMAS Enterprise, No. 40A,
Jalan Selaseh Indah, Taman Selasih,
68100, Batu Caves, Selangor**

Edaran:
**Unit Komunikasi Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**

**Imbas QR dibawah untuk
muat turun Buletin IKIM
2025 secara digital**

